

PM tegur syarat ketat

U.M. 16 APR 1993

MELAKA 15 April — Perdana Menteri, Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad menegur sikap sesetengah pemimpin negeri yang menghalang kemasukan para pelabur ke negeri-negeri mereka dengan mengenakan pelbagai syarat yang ketat.

Menurut beliau, pemimpin-pemimpin berkenaan bukan sahaja tidak berusaha untuk menarik pelabur datang ke negeri

masing-masing tetapi juga marah dengan kehadiran para pelabur tersebut.

Sebagai contoh, beliau mendedahkan sikap pemimpin-pemimpin itu yang mengenakan pelbagai syarat ketat termasuk menekan pelabur untuk mendapatkan faedah yang lumayan.

Bercakap kepada penerbit selepas merasmikan Konvensyen Melaka Dalam Warisan Dunia di

Air Keroh D' Village di sini petang ini, beliau berkata, sikap seperti itu akan "hanya menyebabkan negeri mereka" tidak maju dan terus mundur.

Nasihat

"Pemimpin-pemimpin itu patutlah menukar sikap sekiranya hendak membangunkan negeri mereka iaitu dengan cara mengalu-alukan kedatangan pelabur dan bukan mengambil tindakan menekan dan mengganggu para pelabur dengan pelbagai syarat," tegasnya.

Ditanya sama ada pemimpin yang beliau maksudkan itu terdiri daripada kalangan pemimpin Barisan Nasional, Dr. Mahathir bagaimanapun tidak menyebutnya, tetapi menambah sekiranya ia melibatkan pemimpin

parti itu, kerajaan akan memberi nasihat supaya mengubah sikap tersebut.

Katanya, beliau pernah menegur beberapa pemimpin yang bersikap sedemikian sebelum ini.

Terdahulu daripada itu, ketika berucap merasmikan pembukaan Air Keroh D' Village, beliau yang merujuk kepada sikap pemimpin berkenaan berkata, kemajuan sesebuah negeri bergantung kepada kepemimpinan yang dinamik.

Menurut beliau sekiranya kepemimpinan itu dinamik negeri yang dipimpin itu akan maju dan sebaliknya sekiranya kepemimpinan itu malap negeri yang mereka pimpin itu akan juga malap.

Dalam ucapan itu beliau turut memberi contoh satu kejadian rusuhan

laku di sebuah negeri-baru ini yang pelabur tidak akan bekerja di kawasan itu.

Beliau berkata pemimpin yang dinamai itu rupanya memberikan pelbagai kemudahan dan layanan yang baik dan bukan mengenakan denda kepada pelabur sekiranya mereka melakukan kesilapan.

"Apa yang perlu dilakukan ialah memberi kawasan tanah percuma kepada pelabur kalau mereka datang ke sini, menentukan kelulusan didapati dalam tempoh 24 jam, menentukan supaya pegawai kerajaan berusaha untuk menolong pelabur... sebab itu pelabur datang," jelas beliau sambil memberi contoh Melaka yang banyak menerima kemasukan pelabur.